



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

25 OGOS 2021 (RABU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

25 OGOS 2021 (RABU)

Harga telur, ayam naik

Putrajaya: Harga runcit telur ayam bagi setiap gred, ayam proses super serta ayam tua di seluruh negara mencatatkan paras tertinggi pada bulan ini.

Berdasarkan data dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (PVS), harga bagi sebiji telur ayam gred A berharga 44 sen, manakala Gred B dijual 41 sen serta Gred C ialah 39 sen.

Berbanding sebelum ini, harga runcit telur ayam pelbagai gred hanyalah sekitar 29 sen sehingga 40 sen untuk sebiji.

Harga paling rendah bagi telur ayam Gred A dilaporkan pada Mei lalu, iaitu pada paras 36 sen sebiji, diikuti telur Gred B yang paras terendah ialah pada Mac hingga Mei lalu dengan harga 33 sen dan Gred C pada April lalu pada harga 29 sen.

Harga ayam dan telur ayam dikemas kini pada 21 hari bulan setiap bulan dan sehingga Ogos, ia mencatatkan paras tertinggi berbanding bulan sebelumnya.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sebelum menjelaskan kenaikan harga barang terbabit tidak dapat dielakkan kerana banyak ladang ternakan ayam ditutup berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kedadaan itu menyebabkan penawaran berkurangan, manakala permintaan terhadap bahan berkenaan meningkat.

Kenaikan itu juga sebelum disebabkan harga makanan ternakan yang diimport meningkat, sekali gus mendorong pengeluaran terpaksa meningkatkan harga jualan.

Sementara itu, bagi harga runcit ayam, harga tertinggi jualan membabitkan ayam kampung, ayam proses standard, ayam proses super dan ayam tua.

Bagi ayam kampung, harga ditetapkan pada bulan ini ialah RM14.90 sekilogram (kg), iaitu peningkatan 90 sen berbanding bulan sebelumnya, manakala

harga terendah bagi ayam kampung pula pada Jun hingga Februari lalu dengan dijual RM13.80 setiap kilogram.

Harga ayam proses super turut meningkat, iaitu RM19.60 sen setiap kilogram pada bulan ini, naik 15 sen berbanding bulan sebelumnya. Harga terendah yang pernah dilaporkan bagi ayam jenis ini ialah pada Mei lalu iaitu RM8.65.

Harga ayam tua turut meningkat menjadi RM8.60 pada harga runcit bagi setiap kilogram, naik 20 sen berbanding bulan sebelumnya.

Peningkatan ketara turut dilihat pada harga daging lembu jenis cincang, iaitu RM24.10 bagi setiap kilogram berbanding RM21 pada bulan sebelumnya.

Namun, harga bagi daging lembu jenis pejol pula menurun menjadi RM36.30 sekilogram pada bulan ini berbanding sebelumnya dijual pada harga sekitar RM37.45.



Harga runcit telur ayam ketika tinjauan di sebuah pasar raya di Selayang, (Foto Asyraf Hamzah/BH) semalam.



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam	RM6.90	• Telur Gred A	RM12.45	• Cili Merah	RM8.99
• Daging Lembu Tempatan	RM35	• Ikan Kembung	RM15.90	• Kubis Bulat Tempatan	RM3.49
• Daging Lembu Import	RM30.90	• Minyak Masak	RM6.50	• Tepung Gandum	RM2.25
• Gula Pasir	RM2.85	• Bawang Besar Holland	RM2.80		
• Bawang Putih	RM6.90				

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

KPDNHEP perkenal dasar jadikan Malaysia pilihan perniagaan

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan meminda Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 bagi memperkenalkan dasar baharu untuk menyokong usaha berterusan menjadikan Malaysia destinasi pilihan perniagaan.

Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, berkata dasar baharu itu bakal memperluas skop peruntukan mengenai mekanisme penyelamat korporat.

Beliau yang juga Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berkata, langkah itu juga akan menambah baik rangka kerja semasa berkaitan penstrukturan korporat serta insolvensi supaya rangka kerja undang-undang Malaysia bersifat timbal balik dengan amalan terbaik antarabangsa.

"Memandangkan kita terus menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan dalam menjalankan perniagaan, penting untuk melaksanakan tindakan yang tepat pada masanya bagi menambah baik rangka kerja insolvensi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan utama pada perasmian Persidangan Kebangsaan SSM 2021 (SSMNC2021) semalam.

SMNC2021 mengetengahkan empat sesi pleno iaitu 'Mentadbir Urus Dalam Normal Baharu', 'Bekerja menerusi Papan Jarak Jauh', 'Pelaporan Pemilikan Bermanfaat' serta 'Bicara SSM'.

Persidangan tahunan kali ini yang membawa tema 'Mentadbir Urus Dalam Normal Baharu' dianjurkan secara maya dengan dihadiri 2,000 peserta.



Hasnol Zam Zam Ahmad

Mengulas lanjut Hasnol Zam Zam berkata, selaras usaha kerajaan mempercepatkan pemulihan ekonomi negara, terdapat keperluan mempunyai rangka kerja undang-undang yang lebih komprehensif berkaitan pemulihan entiti perniagaan bagi memastikan perniagaan kekal kompetitif.

Beliau berkata, tanpa rangka kerja undang-undang komprehensif, entiti perniagaan seperti syarikat dan perkongsian liabiliti terhad berdepan risiko pembubaran apabila mereka menghadapi kesukaran kewangan walaupun perniagaan itu masih berdaya maju.

"Pada masa ini, dua rang undang-undang pindaan Akta Syarikat 2016 dan Akta

Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 sedang diteliti semula sementara menunggu Jabatan Peguam Negara memuktamadkannya untuk pembentangan di Parlimen," katanya.

Sementara itu, katanya, SSM mencatatkan 14,330 pendaftaran perniagaan di bawah inisiatif Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) sehingga 31 Julai lalu.

Menurutnya, jumlah itu membuktikan SSM amat komited terhadap usaha memberikan perkhidmatan terbaik bagi menyokong kelangsungan entiti perniagaan dan korporat selari dengan fungsi serta tanggungjawab agensi di bawah KPDNHEP.

Beliau berkata, SSM memperkenalkan sembilan inisiatif pada tahun lalu dan seterusnya 11 inisiatif pada tahun ini bagi membantu komuniti perniagaan mengharungi pandemik COVID-19.

Katanya, ini adalah termasuk inisiatif Skim 1 orang ke-lainan upaya (OKU) 1 Perniagaan (SIO-KU1P) yang mencatatkan sebanyak 13,720 pendaftaran perniagaan sejak diperkenalkan pada 2012.

"Inisiatif yang disediakan dilihat dapat memberikan ruang kepada entiti perniagaan, syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) untuk mengekalkan pematuhan kepada tadbir urus yang baik meskipun berhadapan detik sukar.

"Selain dapat memberi ruang kepada pemain industri untuk mengatur semula strategi perniagaan bagi menyokong kelangsungan dan terus berdaya saing," katanya.

Di samping itu, Hasnol Zam Zam berkata, jumlah syarikat yang dibubarkan oleh mahkamah juga berkurangan susulan inisiatif pihak SSM meningkatkan nilai ambang atau nilai keberhutangan mengikut Seksyen 466 (1) (a) Akta Syarikat 2016 berkuat kuasa 1 April, 2021.

Katanya, perangkaan menunjukkan pada 2019 sebelum pandemik, syarikat yang dibubarkan berjumlah 1,524 namun pada 2020 ia berkurangan kepada 1,029.

Beliau berkata, pada 2021 sehingga Julai, jumlah syarikat yang dibubarkan adalah sebanyak 316, susulan langkah yang diperkenalkan SSM sudah memberi hasil positif dalam mengurangkan kesan kelembapan perniagaan akibat pandemik COVID-19.

Pandemik tarik minat rakyat berniaga

PETALING JAYA - Cabaran ekonomi disebabkan pandemik, selain sokongan kukuh agensi kerajaan termasuk Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah mencetuskan minat untuk berniaga dan menubuhkan syarikat sendiri dalam kalangan rakyat.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, SSM telah mengumum-kan pelbagai inisiatif yang menyediakan manfaat buat rakyat menjalankan perniagaan.

"Antaranya Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin yang membenarkan pendaftaran perniagaan percuma kepada kumpulan B40 dan pelajar institusi pengajian tinggi sepenuh masa.

"Sehingga 31 Julai lalu, sebanyak 14,330 perniagaan baharu telah didaftarkan di bawah inisiatif ini.

"Skim 1 OKU1 Perniagaan yang ditawarkan kepada kumpulan orang kelainan upaya (OKU) yang boleh mendaftarkan perniagaan dengan SSM secara percuma.

"Setakat 31 Julai, sebanyak 1,102 perniagaan baharu didaftarkan di bawah skim ini.

"Menyediakan pendaftaran



HASNOL

perniagaan secara percuma mencetuskan minat dalam kalangan B40 untuk meneroka bidang keusahawanan sebagai sumber pendapatan, selain menanam budaya pematuhan etika dan amalan baik dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana baharu," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian Persidangan Kebangsaan SSM 2021 yang diadakan secara maya semalam.

Persidangan sehari bertemakan "Tadbir Urus Di Bawah Norma Baharu" itu disertai oleh 2,000 delegasi terdiri daripada golongan profesional, korporat, usahawan, pengamal undang-



INISIATIF SSM menawarkan pendaftaran perniagaan secara percuma telah memberi peluang kepada rakyat untuk membuka syarikat sendiri. - GAMBAR HIASAN

undang dan ahli akademik termasuk delegasi dari luar negara seperti Pakistan, Republik Macedonia, Kazakhstan, Filipina dan Singapura.

Sehingga 31 Julai lalu, SSM merekodkan sejumlah 8.1 juta perniagaan, 1.4 juta syarikat dan 28,814 Syarikat Perkongsian Lia-

biliti Terhad.

Selain itu, Hasnol yang juga Pengerusi SSM berkata, pelbagai inisiatif yang diperkenalkan kerajaan turut mencerminkan hasil positif dalam mengurangkan impak pandemik terhadap perniagaan.

Jelasnya, statistik menunjuk-

kan sebelum pandemik pada 2019, jumlah syarikat yang ditutup adalah sebanyak 1,524 buah, tetapi pada tahun 2020, jumlahnya telah menurun kepada 1,029.

"Sehingga Julai tahun ini, jumlah syarikat yang ditutup operasinya adalah sebanyak 316," katanya.

KPDNHEP perkenal dasar baharu situasi pandemik

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan meminda Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 untuk memperkenalkan dasar baharu dalam situasi pandemik selain menyokong usaha berterusan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan perniagaan.

Ketua Setiausaha KPDNHEP merangkap Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, dasar baharu itu boleh memperluas skop peruntukan mengenai Mekanisme Penyelamat Korporat.

Katanya, langkah itu menambah baik rangka kerja semasa penstrukturan korporat serta insolvensi supaya rangka kerja undang-undang Malaysia bersifat timbal balik dengan amalan terbaik antarabangsa.

"Memandangkan kita terus menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan dalam menjalankan perniagaan, penting

untuk melaksanakan tindakan yang tepat pada masanya bagi menambah baik rangka kerja insolvensi," katanya semasa menyampaikan ucapan pada perasmian Persidangan Kebangsaan SSM 2021 (SSMNC2021) secara maya pada Selasa.

Beliau berkata, sejajar aspirasi kerajaan mempercepat pemulihan ekonomi negara, terdapat keperluan mempunyai rangka kerja undang-undang lebih komprehensif berkaitan dengan pemulihan entiti perniagaan bagi memastikan perniagaan kekal kompetitif.

Hasnol Zam Zam berkata, tanpa rangka kerja undang-undang komprehensif, entiti perniagaan seperti syarikat dan perkongsian liabiliti terhad berdepan risiko pembubaran apabila menghadapi kesukaran kewangan walaupun perniagaan itu masih berdaya maju.

Perangkaan menunjukkan pada 2019 sebelum pandemik, syarikat dibubarkan berjumlah 1,524 namun pada 2020 ia berkurangan kepada 1,029, katanya. Bernama

Pinda Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012